



15 JUN, 2020

LKIM peruntuk RM9.04 juta untuk Projek Khas Perumahan Nelayan di Sabah

New Sabah Times Bahasa (KK), Malaysia

Page 1 of 2

LKIM peruntuk RM9.04 juta untuk Projek Khas Perumahan Nelayan di Sabah

OLEH ALIZA ALAWI

SANDAKAN: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memperuntukkan sebanyak RM9.04 juta untuk Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) bagi membantu golongan nelayan di seluruh Sabah.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, peruntukan itu adalah untuk membaikpulih, membina rumah baharu dan mewujudkan penempatan semula nelayan yang lengkap dengan prasarana asas supaya masyarakat nelayan dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik dan selesa.

Jelas beliau, usaha baik itu dapat memberi manfaat dan faedah kepada 716 nelayan di negeri ini.

Jumlah peruntukan untuk membaikpulih sebanyak RM12,000 (maksimum) bergantung kepada nilai kerosakan rumah.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang media selepas melawat ke tapak cadangan Pembinaan Kompleks Perikanan LKIM di Tanah Merah disini sempena lawatan kerja beliau ke Beluran dan Sandakan pada Ahad.

Dalam pada itu, Ronald berkata, di Daerah Beluran, sejumlah RM1,800,000 telah diperuntukkan untuk membaikpulih 150 rumah nelayan secara gotong-royong.

Dimana, 48 buah rumah telah siap sepenuhnya (hampir 50 peratus) dibaikpulih dan pelaksanaan ini akan diteruskan kepada 102 buah rumah lagi dan dipercepatkan kerja pembaikan agar nelayan dapat menikmati bantuan terse-



MENINJAU ... Ronald (kiri) meninjau proses pembersihan hasil laut di Jeti Widegrowth sebelum proses pembungkusan untuk dihantar kepada pembeli.

but.

Sementara itu, Ronald turut mengumumkannya Daerah Beluran bakal menikmati tiga projek naik taraf dan baik pulih jeti nelayan melibatkan jumlah peruntukan RM150,000 oleh LKIM.

Katanya, tiga jeti yang terlibat ialah Jeti Nelayan Kampung Keramat, Jeti Nelayan Kampung Seri Menanti dan Jeti Nelayan di Kampung Muanad 2.

Jelas Ronald, Jeti Nelayan Kampung Keramat yang dibina pada tahun 2013, mengalami kerosakan di sebahagian struktur utama, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan peruntukan kos RM50,000 bertujuan untuk kegunaan nelayan

sekitar kampung itu untuk pendaratan ikan dan hasil laut, disamping memastikan keselamatan nelayan yang menggunakan jeti itu.

Tambah beliau, cadangan dengan komponen yang terlibat adalah membaikpulih struktur utama jeti konkrit dan menaiktaraf bangsal nelayan.

Ulasnya, dianggarkan penerima faedah yang akan mendapat manfaat dari baikpulih jeti seramai 250 nelayan yang melibatkan pendaratan 105 buah bot Zon A.

Manakala, untuk baikpulih Jeti Nelayan di Kampung Seri Menanti dan Jeti Nelayan di Kampung Muanad 2 juga masing-masing dengan peruntukan berjumlah RM50,000.



15 JUN, 2020

LKIM peruntuk RM9.04 juta untuk Projek Khas Perumahan Nelayan di Sabah

New Sabah Times Bahasa (KK), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SANDAKAN: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memperuntukkan sebanyak RM9.04 juta untuk Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) bagi membantu golongan nelayan di seluruh Sabah. Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Sen Dr Ronald Kiandee berkata, peruntukan itu adalah untuk membaikpulih, membina rumah baharu dan mewujudkan penempatan semula nelayan yang lengkap dengan prasarana asas supaya masyarakat nelayan dapat nvenikmati kualrti hidup yang leb - baik dan selesa.jetas pe = _.